

28/03/2001

Rakyat perlu sokong langkah pengukuhan ekonomi

KESAN kelembapan ekonomi Amerika Syarikat mula dirasakan di setiap pelosok dunia. Akibatnya dirasakan secara beransur-ansur sejak tahun lalu, menyebabkan beberapa negara menghadapi masalah besar. Ini kelihatan begitu ketara sekali di negara-negara yang mana kedudukan ekonomi mereka tidak stabil, ditambah pula dengan pergolakan politik dalaman, yang memburukkan lagi keadaan. Kejatuhan harga komoditi tertentu, permintaan pasaran eksport yang kian merosot, kegiatan ekonomi bergerak perlahan ditambah urus niaga pasaran saham lembap tanpa adanya lonjakan adalah tanda-tanda negatif bahawa suasana ekonomi masih belum pulih. Di sesetengah negara, syarikat-syarikat sudah mula mengurangkan saiz operasi masing-masing dan mengambil langkah mengurangkan pekerja. Tindakan yang sama dilakukan oleh kilang yang mengeluarkan produk yang kurang mendapat pasaran. Sebagai sebuah negara yang dipengaruhi secara langsung oleh sistem ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi kesan fenomena ini.

Walaupun belum tiba waktunya keadaan yang melanda hari ini boleh disamakan dengan kegawatan ekonomi yang baru saja pulih, namun langkah awal untuk menangkis sebarang kekalutan, perlu dilakukan mulai sekarang. Kesan kelembapan ekonomi mungkin agak lewat menyerang Malaysia kerana peraturan ekonomi yang dilaksanakan ketika menangkis kegawatan ekonomi pada 1997 lalu, masih belum ditarik balik keseluruhannya. Sikap berwaspada kerajaan dalam menangani kemelut kemelesetan ekonomi termasuk menambat kadar pertukaran wang asing dengan meletakkan kedudukan ringgit pada keadaan yang stabil, masih menjadi senjata kebal untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang masih mampu bertahan hingga ke hari ini. Paling penting, kerajaan tidak menanggung hutang luar yang boleh menyebabkan negara dan rakyat terasa dicekik.

Dalam menangani masalah ekonomi, Malaysia sudah banyak belajar daripada pengalaman. Untuk menangani ramalan kemelesetan yang berpunca dari negara kuasa besar itu, kerajaan yang menyedari tanggungjawabnya terhadap kepentingan rakyat sudah pun mengatur beberapa langkah siap sedia sebagaimana diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam. Antara langkah itu ialah meningkatkan rangsangan fiskal sebanyak RM3 bilion lagi, sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang diluluskan dalam Belanjawan 2001 yang diharapkan dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Agak malang kerana Malaysia sudah pun mula menampakkan kekukuhan dalam KDNK yang mencatat 5.8 peratus pada 1999 dan 8.5 peratus tahun lalu, dan kini terpaksa mengkaji semula pertumbuhan rasmi yang diramalkan 7 peratus pada tahun ini.

Kita yakin langkah diambil kerajaan termasuk menggunakan wang paling berkesan menerusi institusi tertentu dan penyaluran peruntukan baru yang disediakan, akan membolehkan negara terus bertahan daripada ancaman kemelesetan ekonomi yang baru. Sudah tentulah faktor paling kuat untuk memastikan kejayaan langkah kerajaan ialah sokongan padu rakyat untuk sama-sama merempuh apa juga halangan yang mendatang.

(END)